

MENARA GADING SEBAGAI SUATU INSTITUSI MORAL

MAISARAH MOHAMED SAAT

m-sarah@utm.my

Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para ahli akademik, sebagai individu penting di dalam sesebuah universiti, untuk meneliti peranan dan tanggung jawab mereka dalam mendidik, mencari ilmu dan menyampaikannya. Setiap hari, setiap ahli akademik akan perlu membuat keputusan. Ada keputusan-keputusan yang akan menyentuh persoalan etika. Isi penulisan ini mengupas tentang tanggungjawab etika dalam bidang akademik bersandarkan kepada kod etika Universiti Teknologi Malaysia. Artikel ini juga menghuraikan peranan moral ahli akademik terhadap diri mereka sendiri, pelajar, rakan sekerja dan masyarakat. Dunia akademik di luar negara telah menempuh banyak ranjau dan halangan, dengan isu dan kontroversi etika. Untungnya di Malaysia, ia tidaklah begitu menonjol atau meruncing, sekurang-kurangnya tiada kesalahan akademik yang serius dan mencalar kredibiliti serta martabat profesion akademik. Namun begitu, apa yang berlaku dalam dunia akademik di luar negara perlu diambil iktibar agar kesilapan yang sama tidak berulang.

PENGENALAN

Hampir setiap individu mempunyai cita-cita untuk menjejakkan kaki ke universiti atau menara gading. Istimewakah menara gading? Muliakah tempat itu? Menara menggambarkan kepada kita tentang satu tempat atau kedudukan yang tinggi; dari puncak menara, kawasan sekeliling dapat dilihat dan dipantau. Oleh kerana kedudukan mereka yang berada di atas menara itu tidak diganggu, dan mereka juga tidak boleh mengganggu apa jua aktiviti di bawah, mereka sepatutnya boleh menjalankan pemantauan dengan bebas dan berkesan. Gading pula merupakan sesuatu yang berharga, sering dikejar atau diburu. Jika diperoleh, akan disimpan dengan baik, malah menjadi hiasan yang dibanggakan. Pepatah Melayu ada menyebutkan, “sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi”, sudah dapat sesuatu yang berharga, yang lama dipinggirkan. Begitulah berharganya gading.

Oleh yang demikian, dapat kita gambarkan betapa tingginya darjat menara gading. Ini kerana ia merupakan tempat yang unggul dan tinggi kedudukannya. Menara gading merupakan tempat di mana terkumpulnya para sarjana yang mempunyai ilmu yang banyak, bukan sahaja dimanfaatkan oleh ilmuan atau sarjana itu sendiri, tetapi disampaikan pula kepada orang lain. Tambahan pula, ilmu tersebut akan terus berkembang dan dimanfaatkan untuk kepentingan sejagat.

Mereka yang berada di menara gading sebagai tenaga pengajar atau ahli akademik merupakan kelompok istimewa yang pintar lagi cerdas akalnya. Mereka harus bersyukur dengan kelebihan, darjat dan peluang yang dianugerahkan oleh Yang Maha Esa. Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

Katakanlah, adakah sama orang-orang yang berilmu pengetahuan dengan orang-orang yang tidak berilmu pengetahuan? (Tentu tidak). Hanya yang menerima peringatan ialah orang-orang yang berakal. (Surah Az-Zumar, ayat 9)

Malah inilah yang dituntut daripada setiap ahli akademik untuk memenuhi nilai teras atau nilai murni yang keenam dalam Kod Etika Profesional Staf UTM 2001 iaitu bersyukur. Dalam kod ini, setiap ahli akademik perlu menghargai dan redha di atas nikmat dan pemberian Tuhan dengan menzahirkan melalui tindakan bekerja dengan penuh tekun, beretika, patuh kepada arahan, sabar menerima dugaan dan sanggup mengorbankan masa dan tenaga demi kepentingan jabatan, negara dan agama.

ETIKA AHLI AKADEMIK

Moral atau etika bertujuan mencipta suatu keadaan yang baik, memandu kepada kesejahteraan individu, komuniti, perniagaan dan organisasi. Etika menekankan kepada keperluan untuk kebaikan, kekayaan, kesejahteraan dan kebahagiaan bersama. Etika juga menekankan kepada pembentukan dan pematuhan kepada panduan atau peraturan tentang apa yang betul dan salah, apa yang baik dan yang buruk. Secara umumnya, nilai yang baik atau etika yang universal ialah seperti bercakap dan bertindak dengan benar, jujur, telus, adil, ikhlas dan nilai-nilai luhur yang diterima oleh sesebuah komuniti atau organisasi sebagai nilai moral atau etika. Ia merupakan peraturan yang dipegang oleh sesebuah komuniti atau masyarakat demi memupuk dan melindungi kesejahteraan individu dan sosial. Etika juga perlu untuk menjaga integriti dan kredibiliti individu, masyarakat dan organisasi supaya tidak luntur.

Sesebuah institusi atau organisasi menggariskan perkara-perkara yang perlu diamalkan atau dijalankan oleh ahlinya untuk kebaikan institusi atau organisasi tersebut. Ia biasanya akan dikuatkuasakan dengan menggunakan kod etika atau peraturan etika yang memandu ahli-ahli organisasi kepada tingkah laku yang baik dan diterima secara universal. Kod Etika Profesional Staf UTM telah menggariskan lima prinsip etika yang perlu dihayati dan dipatuhi oleh ahli akademik. Pertama, seseorang ahli akademik di menara gading berkewajipan menampilkan kewibawaan peribadi yang merangkumi komitmen kepada kecemerlangan, akauntabiliti dalam amalan, dan peranan profesional diri yang boleh dicontohi, secara konsisten dan berkesan. Prinsip pertama ini menuntut setiap ahli akademik agar berwibawa dalam bidang kepakarannya dan tindak tanduknya, sekaligus menjadi teladan dan inspirasi atau *role model* kepada pelajar.

Prinsip kedua merupakan penghayatan nilai-nilai luhur seperti niat yang ikhlas, semangat berpasukan, saling hormat menghormati dalam mengukuhkan keharmonian hubungan

interpersonal. Sebelum ahli akademik itu menuntut pelajarinya untuk menunjukkan nilai semangat berpasukan atau hormat menghormati sesama rakan atau pensyarah, ahli akademik itu sendiri perlulah mengamalkannya. Nilai ketiga pula ialah akauntabiliti, bukan sahaja kepada organisasi, tetapi juga kepada negara, masyarakat, agama dan pihak-pihak berkepentingan (stakeholder). Akauntabiliti menerangkan tentang tanggungjawab, nilai ini menuntut supaya ahli akademik menjalankan tanggungjawabnya kepada banyak pihak, dan bersedia menjawab atau menerangkan tentang segala tindakannya.

Ahli akademik juga dituntut supaya menghidupkan dan menyemarakkan budaya organisasi dinamik dalam prinsip etika yang keempat. Melalui prinsip ini, ahli akademik diminta untuk sama-sama mendukung falsafah organisasi, bersedia menghadapi dan mengikut perubahan serta mampu bergerak secara kolektif sebagai organisasi yang bercirikan budaya ilmu dan budaya korporat. Akhir sekali, setiap ahli akademik perlu mematuhi peraturan. Seperti peribahasa Melayu, 'bagaimana bunyi gendang begitulah tarinya' yang membawa erti sesuatu yang dilakukan perlulah mengikut arahan dan peraturan. Persoalannya, sukarkah untuk patuh kepada peraturan? Sukarkah untuk ahli akademik menegakkan kebenaran atau mengamalkan prinsip etikanya?

Selain daripada kesedaran etika dan nilai-nilai yang dibawa oleh seseorang individu itu, kekuatan dalaman juga perlu dalam menghadapi 'ujian' etika ini. Setiap individu atau ahli akademik perlu berani untuk berkata 'ya' atau 'tidak', berdasarkan apa yang dipercayainya. Yang penting, setiap ahli akademik dan individu dalam sesebuah universiti, tanpa kekecualian, mempunyai kepercayaan kepada diri sendiri bahawa beliau boleh mengamalkan apa yang dituntut oleh agama dan juga insititusi. Setiap agama atau kepercayaan mengajar apa yang benar dan patut dilakukan. Tiada agama atau kepercayaan yang mengajar pengikutnya berbuat kejahatan atau perkara-perkara yang buruk. Bagi para Muslim, kita dididik bahawa setiap perbuatan atau tutur kata baik yang sengaja atau tidak, dilihat dan didengar oleh Allah s.w.t. Perbuatan atau tutur kata tersebut akan mendapat ganjaran atau balasan yang setimpal, baik di dunia mahupun akhirat. Oleh itu, nilai-nilai murni seperti amanah, bijaksana (fatanah), benar (siddiq), menyampaikan (tabligh), adil dan bersyukur seperti yang termaktub dalam kod etika, bukanlah sesuatu yang asing bagi seseorang ahli akademik.

Budaya beretika bukan sahaja diamalkan oleh individu dalam sesebuah kampus universiti, tetapi juga disampaikan kepada individu lain melalui teguran secara baik jika ada yang dilihat telah melanggar nilai dan prinsip etika. Sesebuah universiti bukan sahaja bertanggungjawab untuk mengajar atau mendidik pelajar tentang etika, tetapi ianya sendiri perlu menjadi sebuah institusi yang beretika. Malah, universiti perlu menjadi satu 'komuniti moral'. Ini bermaksud bahawa sebuah komuniti dari segenap peringkat iaitu dari peringkat pihak pengurusan atasan sehinggalah kepada ahli akademik, pentadbir, staf sokongan dan para pelajar mengamalkan prinsip etika dan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Untuk menjadi sebuah komuniti atau institusi moral, menara gading memerlukan komitmen semua ahlinya. Ini kerana tindakan salah seorang ahli akan mempengaruhi seluruh organisasi atau institusi menara gading itu. Setiap hari, setiap individu atau ahli akan membuat keputusan berdasarkan kod etika, baik dalam keadaan dilema ataupun tidak. Seperti mana dalam organisasi, keputusan bersama juga dibuat oleh ahli di menara gading.

Keputusan yang dibuat, sama ada mematuhi panduan, peraturan atau kod etika, atau tidak mematuminya, bergantung kepada kematangan moral individu itu sendiri.

PERANAN UNIVERSITI SEBAGAI INSTITUSI MORAL

Kadangkala ahli-ahli akademik mungkin terlupa bahawa antara tanggungjawab yang diamanahkan oleh mereka ialah membentuk akhlak pelajar. Secara amnya, ahli akademik, pendidik atau tenaga pengajar di pusat pengajian tinggi mempunyai tugas mendidik. Guru di sekolah rendah dan menengah mempunyai tugas yang cukup berat dalam membentuk peribadi dan akhlak manusia selain menyampaikan ilmu dalam bidang mereka. Kesinambungannya, pensyarah juga mempunyai obligasi untuk menyediakan manusia yang telah dibentuk itu supaya bersedia untuk menghadapi dunia sebenar. Jika selama ini mereka berada di bawah bimbingan ibu bapa dan guru-guru. Di universiti, mereka telah mula mendapat kebebasan dan mula belajar hidup dalam erti kata yang sebenarnya.

Para pensyarah dianggap sebagai *gatekeeper*, yang mengawal 'pintu masuk dan keluar' dunia pembelajaran pelajar. Mereka masuk ke universiti dengan bekalan pendidikan dari rumah dan sekolah. Di universiti pula, mereka mula didedahkan kepada piawai etika profesional, tanggungjawab moral, peranan menilai rakan sebaya dan belajar berkomunikasi secara profesional, selain mempelajari ilmu bidang yang diceburi. Setelah beberapa tahun menimba ilmu di menara gading, sebagai pengawal 'pintu keluar' dunia pembelajaran ini, peranan pensyarah dan universiti adalah kritikal dalam memastikan pembentukan etika dan moral yang benar-benar mantap agar pemimpin masa depan ini berupaya menghadapi cabaran dunia sebenar (de Russy, 2003).

Sesebuah universiti yang mengajar dan mendidik tentang tanggung jawab etika kepada pelajar atau pihak lain, perlulah menjadi model kepada apa yang diajar agar universiti akan sentiasa mendapat kepercayaan, terus mengekalkan kredibilitinya dan kekal dianggap sebagai penyumbang penting kepada pembentukan moral masyarakat (O'Neil, 1983). Persoalannya, jika ahli akademik bertanggungjawab mendidik pelajar supaya beretika dan memastikan pelajar ini bersedia menghadapi cabaran mempertahankan etika mereka dalam dunia pekerjaan yang sebenar, adakah ahli akademik ini mengamalkan apa yang diajar? Dengan lain perkataan, mampukah ahli akademik menjalankan peranan etikanya? Ini kerana sebelum mereka menjadi *role model* atau membentuk bakal profesional ini menjadi insan beretika, mereka sendiri perlu mengamalkan ciri-ciri etika tersebut. Menurut Hauptman (2002), pelajar meniru dan tidak jujur kerana *role model* mereka, termasuk pensyarah tidak menunjukkan contoh atau tidak menggalakkan pelajar itu menghindari perlakuan tidak beretika. Menurut kajian beliau, apabila ada ahli akademik didakwa melakukan aktiviti yang tidak beretika, seringkali ada rakan sekerja yang membela. Jika adapun yang didapati bersalah, individu tersebut hanya diberi peringatan atau hukuman yang selalunya adalah minimum. Budaya begini menghalang kepada penyuburan budaya beretika.

Kajian oleh Maisarah et.al, (2004) melihat persepsi etika pelajar tentang tindakan pensyarah dan peranan universiti. Responden terdiri daripada 488 orang pelajar tahun akhir dalam bidang kejuruteraan dan pengurusan di salah sebuah institusi pengajian tinggi awam

Malaysia. Kajian ini mendapati hampir semua iaitu 96.7 peratus responden bersetuju tindakan seseorang pensyarah boleh mempengaruhi persepsi umum terhadap etika kerja yang diamalkan dalam sesebuah universiti. Walau bagaimanapun, peratusan tersebut menurun kepada 88.1 peratus iaitu jumlah mereka yang bersetuju bahawa amalan etika sesebuah universiti akan mempengaruhi nilai etika peribadi individu. Kajian juga menunjukkan bahawa hanya separuh daripada responden yang bersetuju (sangat setuju dan setuju) sementara 31 peratus agak setuju bahawa pemimpin universiti menguatkuasakan peraturan etikanya. Peratusan yang hampir sama juga (48 peratus bersetuju, 33 peratus agak setuju) didapati tentang persetujuan responden apabila ditanya sama ada fakulti menguatkuasakan peraturan etikanya. Secara umumnya, responden kajian ini bersetuju bahawa universiti dan fakulti iaitu para pensyarah dan pihak pentadbiran memainkan peranan yang penting dalam menekankan aspek moral dan etika di kalangan pelajar.

Jelaslah bahawa pensyarah merupakan *role model* kepada pelajar dalam tingkah laku etikanya. Sukar untuk meletakkan harapan bahawa pelajar akan menjadi generasi atau pemimpin masa depan yang berakhlak tinggi dengan hanya menyampaikan kepada mereka apa yang betul dan apa yang salah. Penerapan nilai etika perlu beserta dengan teladan atau *role modeling*. Ia perlu bermula dengan pensyarah itu sendiri mempunyai kesedaran dan pegangan etika yang tinggi.

ETIKA DAN KUASA

Ramai berpendapat bahawa hubungan kuasa dengan etika merupakan satu tuntutan terhadap tanggung jawab dan akauntabiliti. Kod etika UTM sendiri menggariskan akauntabiliti sebagai prinsip etika yang perlu didukung oleh ahli akademik. Walau bagaimanapun, ada juga yang berpendapat bahawa etika adalah tentang penggunaan kuasa dan salah guna kuasa. Ia bermaksud, individu boleh menegakkan prinsip etikanya menggunakan kuasa yang beliau ada dan boleh melanggar etika dengan kuasa yang ada padanya. Ayat al-Qur'an ada menyebut tentang keadilan dalam menggunakan kuasa dan tidak mengikut perasaan. Firman Allah yang bermaksud:

Hai Daud!, sesungguhnya Kami (Allah) menjadikan engkau khalifah (penguasa) di muka bumi ini, maka hukumlah antara manusia dengan keadilan, dan janganlah engkau turut hawa nafsu, nanti ia menyesatkan engkau dari jalan (agama) Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, untuk mereka itu azab yang berat, kerana mereka melupakan akan hari perhitungan. (Surah Shaad, ayat 26)

Ayat di atas menunjukkan betapa pentingnya kuasa tidak disalahgunakan dan perlunya keadilan dalam menggunakan kuasa. Kod etika UTM juga menekankan tentang kuasa dan keadilan terutamanya dalam hubungan pensyarah dengan pelanggannya. Kod etika menuntut supaya ahli akademik sebagai individu yang mempunyai kuasa menilai prestasi pelajar agar melayan pelajar dengan adil dan hormat serta memberikan penilaian yang adil kepada kerja pelajar semasa menjalankan aktiviti akademik. Dalam hubungan sesama staf akademik pula, kod etika menegaskan bahawa staf akademik sama ada bertindak dalam

kapasiti akademik atau pentadbiran, perlu saling menghormati dan bersikap adil antara satu sama lain.

Dalam membincangkan tentang etika, kadangkala konteks institusi tidak diambil kira dan bagaimana kuasa dan tanggungjawab disebar dan dikongsi (atau mungkin disalahgunakan) dalam institusi. Oleh sebab itu, untuk berlaku adil dalam pelbagai peringkat di Universiti di mana etika memainkan peranan yang penting, hubungan kuasa dan tanggung jawab perlu dipertimbangkan dalam empat peringkat iaitu (Curtin University, 2001):

- (i) *Micro* (tanggungjawab individu) ialah peringkat individu di mana setiap individu atau ahli akademik mempunyai kuasa untuk membuat keputusan terhadap pelanggan utama iaitu pelajar, tetapi pada masa yang sama, mempunyai tanggung jawab terhadap kemajuan akademik dan pembangunan pelajar.
- (ii) *Macho* (tanggungjawab ketua) merupakan peringkat ketua kumpulan akademik seperti ketua jabatan, atau pengurusan operasi dalam sesebuah jabatan, mempunyai kuasa dalam tanggung jawab untuk membentuk peraturan etika dan menguatkuasakan peraturan tersebut.
- (iii) *Meso* (tanggungjawab korporat) pula ialah peringkat pengurusan atasan Universiti yang mempunyai kuasa merancang secara strategik dan bertanggungjawab memupuk kesejahteraan seluruh komuniti Universiti.
- (iv) *Macro* (tanggungjawab politik) ialah tanggung jawab politik di mana individu ini akan mewakili Universiti dalam urusan dengan pihak berkepentingan seperti kerajaan negeri, kementerian pendidikan, perbendaharaan dan masyarakat amnya.

Oleh itu, mereka yang berada dalam setiap peringkat ini perlu menggunakan kuasa dalam lingkungan masing-masing untuk memastikan mereka hidup dalam persekitaran yang bermoral. Kita tidak mahu kuasa dijadikan sebagai alat untuk tidak mematuhi peraturan etika. Harapnya janganlah seperti peribahasa Melayu, 'kuat gajah terdorong, kuat harimau terlompat-lompat', yang bermaksud orang yang berpangkat atau yang mempunyai kuasa cenderung membuat kesalahan kerana kuasa yang diberi kepadanya.

CABARAN AHLI AKADEMIK

Budaya akademik yang baru menuntut tanggungjawab yang lebih berat di bahu pensyarah. Kini, para pensyarah universiti bukan sahaja perlu mengajar atau menyampaikan kuliah dan menasihati pelajar dari aspek akademik, tetapi juga aktiviti lain seperti penyelidikan, penerbitan, penulisan, khidmat masyarakat dan pengurusan akademik. Akibatnya, yang menjadi kebimbangan dunia akademik sekarang ialah kurangnya tumpuan pensyarah kepada tugas teras yang utama iaitu pengajaran. Jika diamati tanggung jawab pensyarah seperti yang digariskan di dalam kod etika UTM, tugas ini bukan sesuatu yang mudah dan boleh diambil ringan. Ia bukannya sekadar menyediakan nota, menyampaikannya di dalam kuliah dan menguji kefahaman pelajar pada akhir sesuatu semester. Penekanan terhadap tugas selain pengajaran telah sedikit sebanyak memberi kesan kepada penumpuan pensyarah terhadap pengajaran.

Perkembangan teknologi dan kemajuan ilmu yang pesat juga menyediakan cabaran etika yang cukup luas buat ahli akademik. Teknologi internet misalnya membolehkan, bukan sahaja pelajar, malah pensyarah sendiri mendapatkan maklumat secara terus, sekaligus menimbulkan isu hak cipta dan hak milik intelektual. Peranan pensyarah di sini ialah untuk mendidik bahawa sebarang tindakan meniru atau *plagiat* adalah suatu kesalahan besar. Mana-mana individu, sama ada pelajar atau rakan sekerja, yang bersalah tidak akan teragak-agak dikenakan hukuman. Begitu juga dengan membuat salinan fotokopi sebarang bentuk penerbitan tanpa kebenaran, tindakan tegas perlu diambil oleh ahli akademik supaya ianya tidak menjadi budaya di kalangan pelajarannya. Oleh itu, dalam setiap cabang tanggungjawab pensyarah ini, prinsip etika mestilah ditunjangi dan sekali lagi *ethical role modeling* perlu diamalkan.

KES SALAHLAKU AHLI AKADEMIK

Isu-isu mengenai universiti juga menarik perhatian akhbar, termasuklah tentang jenayah kolar putih, sehinggakan negara kerugian berjuta ringgit akibat keruntuhan integriti dan etika para profesional yang tidak amanah. Akauntan, doktor, ahli korporat, ahli politik, peguam, malah guru yang diamanahkan untuk mendidik anak bangsa agar menjadi manusia yang berakhlak dan bermoral juga tidak mengamalkan apa yang diajar. Setiap profesion tersebut telah menggariskan prinsip etika yang sepatutnya dipatuhi oleh mereka sendiri. Banyak kes penyelewengan, salah guna kuasa, penipuan dan skandal yang berlaku di kalangan profesional di dalam dan luar negara memperdebatkan punca kepada perlakuan-perlakuan ini. Banyak pihak cuba dipersalahkan, tetapi tidak banyak perhatian diberikan kepada satu faktor yang penting (crucial): peranan pendidikan tinggi dalam membentuk sahsiah dan keperibadian para profesional ini (de Russy, 2003).

Mungkin sistem pendidikan yang lebih cenderung ke arah 'kebendaan' berbanding 'kerohanian' banyak menyumbang kepada keruntuhan moral ini. Mungkin sarjana sekarang lebih tertumpu kepada bidang akademik semata berbanding nilai-nilai yang patut ditanam dalam diri pelajar. Mungkin ahli akademik alpa tanggungjawab mereka dalam membentuk moral bakal pemimpin ini. Banyak kemungkinan yang boleh dipersoalkan. Tetapi lebih malang jika etika dan integriti kesarjanaan itu sendiri dikatakan kritikal (de Russy, 2003).

Banyak pemerhati budaya akademik kontemporari telah mendokumenkan kes-kes etika di kalangan ahli akademik. Antara kesalahan etika yang dilakukan ialah lewat ke kelas, berat sebelah dalam penilaian atau mengamalkan *favouritism* di kalangan pelajarannya, *plagiat*, gagal menjalankan tugas pentadbiran dengan sempurna, menggunakan perkataan yang kesat dalam forum-forum akademik, dan yang paling penting ialah ketidaksungguhan mereka untuk menegakkan kebenaran dalam hal pengajaran dan penyelidikan.

Seorang profesor di State University of New York telah mengutarakan apa yang beliau sifatkan sebagai 'penipuan akademik' atau *academic corruption*. Beliau menegaskan, amalan pentadbiran tidak beretika ini ada yang telah menjadi 'rutin' di kampus. Misalnya, menilai laporan kajian rakan sebaya yang tidak adil dalam menentukan kedudukan seseorang dalam fakulti, pembentukan jawatankuasa juga dipengaruhi oleh prejudis, malah

keputusan atau pertimbangan banyak dibuat berdasarkan asal usul etnik, gender dan kaum, bukan berdasarkan keupayaan sebenar seseorang ahli akademik itu (de Russy, 2003).

Chronicle of Higher Education (1999) melaporkan tentang seorang profesor kejuruteraan di University of Wisconsin, Amerika Syarikat, yang dipenjarakan selama tiga bulan dan denda US\$10,000 kerana memalsukan maklumat dalam satu permohonan geran penyelidikan daripada pusat penyelidikan universitinya. Beliau mengaku bersalah dan telah diturunkan daripada jawatan pengarah pusat tersebut.

Jakarta Post (2003) pula melaporkan bahawa kepincangan etika di kalangan pendidik Indonesia sudah menjadi satu penyakit yang biasa. Artikel tersebut melaporkan kebimbangannya bahawa *plagiat* telah menjadi lumrah dan yang amat menyedihkan, ianya berlaku dalam dunia akademik, yang sepatutnya mengajar pemimpin masa depan untuk memperjuangkan kebenaran dan mengekang kepalasuan.

Kes terkini pula ialah satu kesalahan plagiat yang dilakukan oleh pensyarah kanan di Cardiff University. Beliau dibuktikan bersalah kerana memplagiat tesis doktor falsafah bekas pelajarannya dan menerbitkan artikel dalam dua jurnal antarabangsa (Baty, 2004).

Dunia akademik di luar negara menempuh banyak ranjau dan halangan, dengan isu dan kontroversi etika. Untungnya di Malaysia, ia tidaklah begitu menonjol atau meruncing, sekurang-kurangnya, tiada kesalahan akademik serius yang mencalar kredibiliti dan martabat profesion akademik. Tetapi, apa yang berlaku dalam dunia akademik luar negara perlu diambil iktibar dan diambil pengajaran agar kesilapan yang sama tidak berulang.

KESIMPULAN

Kesedaran etika perlu dalam setiap individu yang menggelarkan diri mereka ahli akademik atau pensyarah. Hauptman (2002) mencadangkan bahawa prinsip etika perlu dipatuhi, setiap ahli akademik perlu jelas bahawa tiada toleransi terhadap semua tindakan yang tidak beretika atau mereka yang melanggar prinsip etika. Ini memerlukan pengurusan atasan supaya adil dan konsisten, tiada pengecualian dalam mengadili dan menghukum. Sebarang aduan tentang perlakuan tidak beretika hendaklah disiasat dengan segera. Bukan mengajar untuk mengadu domba tetapi ahli akademik perlu dilatih untuk berani bercakap tentang hak, tentang kebenaran, tentang pencegahan yang mungkar. Mungkin itulah antara kekurangan sebahagian ahli akademik: keberanian moral atau *moral courage*. Benar seperti kata pepatah Melayu 'kalau seperti kundur labu, boleh dibelah', bukan mudah untuk menyatakan kebenaran sesuatu perkara. Keberanian moral pula bukanlah sesuatu yang boleh dipelajari dalam jangka masa yang pendek. Tetapi ia boleh dimiliki jika persekitaran organisasi menggalak atau membenarkan perjuangan untuk menegakkan kebenaran.

Yang penting, untuk menjadi sebuah institusi yang bermoral dan disegani, menara gading perlu mempunyai atmosfera di mana integriti dihargai dan perlakuan yang tidak bermoral atau tidak beretika dihukum. Pada masa yang sama, lebih baik lagi jika ahli akademik sentiasa bersikap merendah diri. Bak kata pepatah Melayu iaitu 'baik membawa resmi padi

'daripada membawa resmi lalang, semakin berisi semakin tunduk'. Biarlah merendahkan diri dan tidak sombong walaupun berilmu dan berkedudukan tinggi.

RUJUKAN:

Baty, P. 2004. "Lecturer Plagiarised Student's Work". *Times Higher Education Supplement*.

Chronicle of Higher Education. 1999. "Professor Gets Jail Time For Lying To Win Grants". Vol. 45, Issue 22.

Curtin University. 2001. *Power and Responsibility: Practical Ethics in the life of a University. Ethics, Equity and Social Justice*.

De Russy, C. 2003. "Professional Ethics Begin On The College Campus". *Chronicle Of Higher Education*. Vol. 50 Issue 4.

Hauptman, R. 2002. *Dishonesty In The Academy*. Academe. Nov/Dec.

Maisarah Mohamed Saat, Noriza Mohd. Jamal dan Aniza Othman. 2004. *Lecturers' and Students' Perceptions On Ethics In Academia And Lecturer-Student Interaction*. Laporan Penyelidikan, Research Management Centre, UTM.

N.A. 2003. *Indonesian Educators Plagued By Lack Of Ethics, Plagiarism*. Jakarta Post (Indonesia). 07/05/2003.

O'Neil, R. 1983. "Ethical Responsibility of Faculty". Dipetik dari Bruhn et.al, (2002).

"Moral Positions And Academic Conduct". *The Journal of Higher Education*. Columbus: July/Aug 2002.

Universiti Teknologi Malaysia. 2001. *Kod Etika Profesional Staf*.